



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	GOLONGAN MUDA MINAT BIDANG PERTANIAN, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -29 GOLONGAN MUDA DALAM BIDANG PERTANIAN MINAT KEUSAHAWANAN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
3. 4.	SAH AYAM BEBAS COVID-19, LOKAL, HM -8 AYAM PEDAS BEBAS WABAK, NASIONAL, BH -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6.	4 PENGUSAHA SEKITAR JELEBU AGIH SATU TAN IKAN AIR TAWAR, NASIONAL, BH -25 SHOPEE BLACKLISTS TRADE OF TURTLE EGGS, NATION, THE STAR -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	REALITI RAKYAT: CABARAN SEKTOR PERTANIAN KETIKA PENDEMIK COVID-19, ASTRO AWANI -ONLINE MOTHER AND SON START FOOD BUSINESS WITH BPN AID, NST -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Golongan muda minat bidang pertanian		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	15 May 2020	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	29	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	473 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,408
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,223



Golongan muda minat bidang pertanian

PUTRAJAYA: Kajian mendapati golongan muda yang terlibat dalam bidang pertanian di Malaysia lebih berminat ke arah keusahawanan, kata Menteri Pertanian

dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang.

"Meraka bukan sahaja menjadi peladang, penternak dan nelayan, tetapi me-

reka turut memasarkan dan menjual produk pertanian mereka sendiri," katanya memetik kajian yang dijalankan oleh Khazanah Research Institute (KRI) dalam KRI Dis-

cussion Paper diterbitkan pada 27 April 2020.

Menyadari perkara tersebut, Kiang berkata, kementerian melalui Program Agropreneur Muda (PAM) menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM20,000, dan Pembiayaan Khas Agropreneur Muda iaitu pinjaman sehingga RM200,000 melalui Agrobank dan TEKUN Nasional dengan kadar faedah dua peratus sahaja.

"Inisiatif ini untuk membantu golongan muda sama ada untuk memulakan projek pertanian baharu atau untuk mengembangkan projek pertanian sedia ada," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Geran Agropreneur Muda (GAM) fasa pertama tahun 2020 di bawah PAM, di sini semalam.

Menurut kajian KRI itu, hanya 15 peratus daripada ahli Perubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berumur di bawah 40 tahun, manakala 45 peratus berumur 60 ta-



MENTERI Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang.

hun ke atas.

Mengenai GAM fasa pertama tahun ini, Kiang berkata, seramai 238 pemohon yang terlibat dalam rantaian nilai iaitu bidang tanaman, ternakan, perikanan dan industri makanan, telah diluluskan dengan nilai geran sebanyak RM4.01 juta.

Pada tahun ini, katanya kementerian diperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan sasaran untuk membangunkan seramai 1,200 orang

agropreneur muda.

"GAM tahun ini memabitkan tiga fasa yang mana fasa kedua telah dibuka untuk permohonan dari 1 hingga 31 Mei manakala permohonan untuk fasa ketiga akan dibuka pada 1 hingga 30 September ini," katanya. Kiang berkata seramai 5,767 orang telah diberikan bantuan geran GAM sejak 2016 hingga 2019 dengan nilai keseluruhan sebanyak RM100.3 juta.



KAJIAN mendapati golongan muda yang terlibat dalam bidang pertanian di Malaysia lebih berminat ke arah keusahawanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Golongan muda dalam bidang pertanian minat keusahawanan



KRI Discussion Paper golongan muda yang terlibat dalam bidang pertanian di Malaysia lebih berminat ke arah keusahawanan. Gambar hiasan.

PUTRAJAYA - Kajian yang dijalankan Khazanah Research Institute (KRI) dalam KRI Discussion Paper mendapati golongan muda yang terlibat dalam bidang pertanian di Malaysia lebih berminat ke arah keusahawanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kajian yang diterbitkan pada 27 April 2020 itu menunjukkan anak muda bukan sahaja menjadi peladang, penternak dan nelayan, tetapi turut memasarkan dan menjual produk pertanian sendiri," katanya.

"Menyedari perkara ini, kementerian melalui Program Agropreneur Muda (PAM) menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM20,000, dan Pembiayaan Khas Agropreneur Muda iaitu pinjaman sehingga RM200,000 melalui Agrobank dan TEKUN Nasional dengan kadar faedah dua peratus sahaja.

"Inisiatif ini untuk membantu golongan muda sama ada untuk memulakan projek pertanian baharu atau untuk mengembangkan projek pertanian sedia ada," katanya selepas majlis penyampaian Geran Agropreneur Muda (GAM) fasa pertama tahun 2020 di bawah PAM di sini hari ini.

Menurut kajian KRI itu, hanya 15 peratus daripada ahli Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berumur di bawah 40 tahun, manakala 45 peratus berumur 60 tahun ke atas.



Program Agropreneur Muda (PAM) menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM20,000, dan Pembiayaan Khas Agropreneur Muda iaitu pinjaman sehingga RM200,000 melalui Agrobank dan TEKUN Nasional dengan kadar faedah dua peratus sahaja. Gambar hiasan.

Dalam pada itu, Ronald berkata, seramai 238 pemohon GAM fasa pertama tahun ini yang terlibat dalam rantaian nilai iaitu bidang tanaman, ternakan, perikanan dan industri makanan telah diluluskan dengan nilai geran sebanyak RM4.01 juta.

"Pada tahun ini, katanya kementerian diperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan sasaran untuk membangunkan seramai 1,200 orang agropreneur muda.

"GAM tahun ini membabitkan tiga fasa dan fasa kedua telah dibuka untuk permohonan dari 1 Mei hingga 31 Mei manakala permohonan untuk fasa ketiga akan dibuka pada 1 September hingga 30 September ini," katanya.

Menurutnya, seramai 5,767 orang diberikan bantuan geran GAM sejak 2016 hingga 2019 dengan nilai keseluruhan sebanyak RM100.3 juta. - Bernama

15/5/2020

HARIAN METRO

LOKAL

8



Putrajaya

Kebimbangan pengumuman lenyap apabila keputusan ujian terhadap semua sampel 'ayam sektor' ketularan kilang pemprosesan di Pedas, Negeri Sembilan disahkan negatif virus Covid-19.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berkata, pihaknya mengambil sampel ayam dari kilang berkenaan untuk ujian pengesanan virus Covid-19 melalui kaedah *Reverse Transcriptase-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) susulan insiden beberapa pekerja di kilang itu dikesan positif Covid-19.

Kenyataan itu memaklumkan operasi kilang berkenaan dirarakan dihentikan sementara bermula 7 Mei sehingga 20 Mei susulan beberapa pekerja di kilang itu dikesan positif Covid-19.

Menurut JPV, kilang itu mendapat pensijilan *Veterinary Health-Mark* (VHM) sejak 2008.

"Pemeriksaan daging



KILANG pemprosesan ayam di Pedas mendapat pensijilan *Veterinary Health-Mark* sejak 2008.

ayam dijalankan Pegawai Pemeriksaan Daging bagi memastikan keselamatan dan kualiti ayam diproses di kilang itu terjamin," katanya.

Kenyataan itu turut memaklumkan melalui kajian saintifik beberapa agensi dan institusi antarabangsa, antaranya Universiti Macau dan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) Paris

membuktikan haiwan seperti lembu, kambing, babi dan ayam bukan penyebar virus Covid-19 kepada manusia.

Menurut JPV, kajian yang diterbitkan dalam beberapa jurnal antarabangsa itu menunjukkan penyebab penyakit Covid-19 oleh virus SARS-Cov-2 adalah dari kumpulan betakoronavirus

manakala kumpulan gamamakoronavirus wujud pada spesies unggas seperti ayam.

"Virus betakoronavirus tidak boleh menjangkiti spesies unggas kerana ada reseptor berbeza. JPV menasihatkan masyarakat tidak khuatir memakan daging ayam," katanya.

Sebelum ini viral di media sosial apabila orang ramai dilaporkan bimbang dengan Covid-19 susulan kilang pemprosesan ayam di Pedas, Negeri Sembilan berlaku penularan virus itu.

Malah viral itu menasihatkan orang ramai tidak membeli ayam di pasar raya besar yang mendapatkan bekalan ayam dari kilang berkenaan.

Penularan COVID-19



Tentera mengawal kawasan kilang pemprosesan ayam di Pedas, Negeri Sembilan pada 8 Mei lalu selepas 60 pekerja disahkan positif COVID-19. (Foto Adzlan Sidek/BH)

Ayam Pedas bebas wabak

Hasil ujian semua sampel diambil dari kilang negatif virus

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua sampel ayam yang diambil di sebuah kilang pemprosesan dekat Pedas di Negeri Sembilan didapati negatif COVID-19.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memaklumkan sampel ayam *whole chicken* daripada kilang berkenaan diambil untuk proses ujian pengesanan COVID-19 melalui kaedah Polimerase-Transkripsi Terbalik (RT-PCR).

Pasca persampelan dan penelitian, katanya keputusan ujian diperolehi 9 Mei lalu menunjukkan semua sampel terabit adalah negatif wabak COVID-19.

"Kilang berkenaan mendapat pensijilan Veterinary Health Mark (VHM) sejak 2008, malah pemeriksaan daging ayam sentiasa dijalankan pegawai pemeriksa daging bertujuan memastikan keselamatan dan kualiti ayam yang diproses di

kilang terabit terjamin. "Kajian saintifik beberapa agensi dan institusi antarabangsa antaranya University of Macau dan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) Paris, sehingga kini membuktikan haiwan seperti lembu, kambing, babi dan ayam bukan penyebar COVID-19 kepada manusia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kementerian Kesihatan pada 2 Mei lalu mengeluarkan arahan menutup kilang pemprosesan ayam berkenaan selepas 60 pekerja di premis terabit disahkan positif COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, sebelum ini men-

jelaskan pihaknya menunggu laporan siasatan JPV berhubung kemungkinan penularan jangkitan COVID-19 daripada ayam kepada manusia.

Mengulas lanjut, JPV memetik laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 7 April lalu bahawa keberangkatan untuk manusia mendapat COVID-19 daripada makanan atau bungkus makanan sangat rendah, memandangkan virus terabit tidak dapat membiak dalam makanan.

Selain itu, artikel terbitan University of Georgia, Amerika Syarikat (AS) pada 23 Mac lalu menegaskan penularan jangkitan COVID-19 tidak mempunyai kaitan dengan produk ternakan.

"Kajian diterbitkan melalui beberapa jurnal antarabangsa menunjukkan penyebab kepada penyakit COVID-19 oleh virus SARS-Cov-2 adalah daripada kumpulan betacoronavirus, manakala kumpulan gammacoronavirus ada pada spesies unggas seperti ayam.

"Virus betacoronavirus tidak boleh menjangkiti spesies unggas kerana mempunyai reseptor berbeza. Oleh itu, JPV menasihatkan masyarakat tidak khuatir untuk memakan daging ayam," katanya.

Kilang berkenaan mendapat pensijilan Veterinary Health Mark sejak 2008, malah pemeriksaan daging ayam sentiasa dijalankan pegawai pemeriksa daging.

Kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	25

4 pengusaha sekitar Jelebu agih satu tan ikan air tawar

Jelebu: Empat pengusaha ikan air tawar sekitar daerah ini mengagihkan satu tan ikan kepada golongan memerlukan, termasuk petugas barisan hadapan COVID-19.

Ketua Perikanan Daerah Jelebu, Mohd Azhar Jusoh, berkata 100 kilogram (kg) ikan tilapia diagihkan pengusaha kepada 100 penduduk di Kampung Kalu, Kampung Kemalau dan Kampung Geylang Hulu di Pertang.

Katanya, 250kg ikan tilapia merah daripada pengusaha lain turut diagihkan kepada 230 golongan asnaf di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pertang.

"Bagi menghargai jasa petugas barisan hadapan daripada 11 agensi di Jelebu, seorang pengusaha turut menyumbangkan 150kg ikan tilapia merah dan diagihkan sendiri oleh kakitangan pejabat perikanan Jelebu.

"Akhir sekali, seorang pengusaha ikan keli menyumbangkan 500kg ikan berkenaan kepada 11 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) DUN Pertang dan kemudian diagihkan kepada golongan sasaran," katanya ditemui di sini.

 **250kg ikan tilapia merah daripada pengusaha lain turut diagihkan kepada 230 golongan asnaf di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pertang.**

Mohd Azhar Jusoh,
Ketua Perikanan Daerah Jelebu

Shopee blacklists trade of turtle eggs

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Online shopping platform Shopee has blacklisted trade of turtle eggs on its site and has acted against the seller, while the Fisheries Department has taken steps to beef up turtle conservation efforts.

This came after news that turtle eggs were being sold online during the movement control order (MCO) period.

According to reports, more turtles are landing on empty beaches as people stay home.

Shopee regional managing director Ian Ho said the sale of animal and wildlife products would not be tolerated, as stated in its prohibited and restricted items policy.

"We have removed the listing and banned the seller from our platform, as well as blacklisted the trade of turtle eggs. Our listing team will screen product listings regularly to make sure they do not violate our policies.

"If products are found to be illegal or do not meet our stringent standards, we will remove the product listings and take swift action against the sellers," Ho said in a statement.

Recently, social media users and environmentalists had urged Shopee to act against a seller peddling Terengganu turtle eggs for just RM7.90 on the platform.

A survey by *The Star* found that turtle eggs

were also being sold on social media platforms for as low as RM3.50 each.

Ho urged users to reach out to Shopee if they encounter similar listings on its platform.

"Users are required to adhere to our policies as well as the local policies, regulations and restrictions set by various governmental agencies and regulatory bodies. We will take stern action against users who do not comply with these standards," he said.

The public can reach out to Shopee at help@support.shopee.com.my or call 03-2777 9222 (Monday to Sunday - 9am to 6pm, including public holidays) to report illegal products.

A source from the Fisheries Department said while laws on the sale and consumption of turtle eggs differ according to the respective states, the government will be beefing up awareness campaigns against its consumption at the federal level.

The sale and consumption of eggs for all species of turtles are banned in Sabah and Sarawak.

In Terengganu, only the sale of leatherback turtle eggs are prohibited under the Terengganu Turtle Enactment 1951.

Recently, Terengganu Agriculture, Agribased Industries and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim said the state government is looking into ways to amend the law.



Telur Penyu Rm5/Biji

Egged on: Turtle eggs are being sold on social media rampantly.

The source added that the department is in the process of establishing regulations for the management and preservation of turtles at the federal level.

"We hope that a uniform regulation could be implemented to effectively manage and conserve the turtles in all states.

"At present, public education and awareness programmes are being implemented focusing on various segments of the society.

"It also includes programmes with the private sector under the corporate social responsibility programmes," said the source.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Realiti Rakyat: Cabaran sektor pertanian ketika pandemik COVID-19

VIDEO | MALAYSIA

Realiti Rakyat: Cabaran sektor pertanian ketika pandemik COVID-19

Ditayangkan pada: 15/05/2020 11:07 - Durasi: 25 min 41 saat



Pada April, kaji selidik Jabatan Perangkaan mendapati pekerjaan dalam sektor pertanian merekodkan kehilangan pekerjaan kedua tertinggi dengan 21.9 peratus, selepas pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dengan 35.4 peratus. Tambah lagi apabila kira-kira 56 peratus sektor pertanian juga berstatus 'tidak standard' atau non standard. Ini bermaksud, mereka tidak bekerja sepenuh masa atau tidak mempunyai kontrak pekerjaan formal, malah ramai yang bekerja sendiri. Ini menjadikan mereka lebih berdepan risiko dibuang kerja atau dipaksa mengambil cuti tanpa gaji. Dalam masa yang sama, lebih kurang 40 peratus syarikat pertanian

adalah syarikat mikro. Pada awal pelaksanaan PKP kita lihat laporan tentang lambakan sayur di Cameron Highland yang berlaku akibat kesan kepada aktiviti rantai makanan. Bagaimana untuk memastikan pengusaha dan pekerja sektor pertanian dapat menangani cabaran dan kelangsungan ketika PKP masih berkuatkuasa serta pasca PKP ini dalam Normal Baharu. Untuk itu kita bersama Prof Madya Dr Norsida Man, Ketua Jabatan Teknologi Pertanian UPM dan Shahrizal Denci, Pengurus D&H Plantations, Kundasang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2020	NST	ONLINE	

Mother and son start food business with BPN aid



Mohamad Faidhi Adam Rohaiza and his mother, Rohani Ariffin, packing sausage buns to be delivered to their customers at their home in Taman Setia Jaya, Jitra, on Monday. - NSTP/AMRAN HAMID

KUBANG PASU: After almost two months of having zero income due to the Movement Control Order (MCO), Mohamad Faidhi Adam Rohaiza decided that he needed to make something happen instead of sitting by idly.

The 25-year-old decided that he needed to act when his employer's shop at the Universiti Utara Malaysia (UUM) campus remained closed throughout the MCO period.

After much deliberation, Mohamad Faidhi used the Bantuan Prihatin Nasional (BPN) aid he received and his savings of RM1,000 as capital to start his food business.

He said he and his mother, Rohani Ariffin, 55, had no other source of income so they figured that investing the BPN aid into their online business would be a worthwhile venture.

They decided that they would sell sausage buns, as they figured that although simple, it was always in high demand.

"My mother and I start cooking from noon until 4pm. Each day, we receive around 200 orders. I would deliver the food to customers around Jitra after *asar* prayers," he said.

He said each sausage bun was sold at 50 sen apiece. They make about RM100 a day.

"I've seen a change in my mother, who is more upbeat and spirited at being able to do something useful, even while staying at home. I think it goes to show that where there's a will, there's a way.

"I hope the people affected by the Covid-19 pandemic will make full use of all available aid handed to them. Even if it's a small business, it adds up at the end of the month."